

29 AUG 2000

PROGRAM TIADA KAITAN ISU HAK ISTIMEWA MELAYU: PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Pemuda Umno hari ini menyangkal spekulasi kononya program mensyukuri nikmat Kemerdekaan yang dijadualkan di Putrajaya esok adalah perhimpunan berkaitan isu hak keistimewaan Melayu.

Ketua pergerakan itu Datuk Hishammuddin Tun Hussien berkata, program itu telah dirancang sebelum perkara itu berbangkit, bertujuan menyuntik semangat dan kesedaran kepada warga Pemuda mengenai nilai serta harga kemerdekaan.

"Program ini juga diharap dapat menanam rasa syukur atas nikmat kemerdekaan dan menyemai sikap tanggungjawab untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan tanah air daripada dirampas semula oleh orang lain dalam apa jua cara dan bentuknya," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Hishammuddin berkata, program itu akan dimulakan dengan majlis tazkirah dan solat Asar di Masjid Putrajaya diikuti dengan majlis dialog bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertajuk "Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan" di Dataran Putra.

Para anggota Pemuda dan Dr Mahathir akan turut melaksanakan solat hajat dan solat syukur selepas solat maghrib untuk memohon dijauhkan segala ancaman yang menggugat kesejahteraan negara dan mensyukuri nikmat kemerdekaan, katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS NMO